

Mengenalpasti Tahap Daya Saing Pelajar Jabatan Perdagangan, Politeknik Ungku Omar

Yanti binti Yusop and Szaliana binti Shairali
Jabatan Perdagangan, Politeknik Ungku Omar, Perak

Abstrak

Di era globalisasi yang semakin pesat, ekonomi Malaysia perlu diperkukuhkan agar mampu bersaing secara kompetitif dan setanding dengan negara membangun yang lain. Maka dengan itu, kerajaan amat menekankan kepentingan meningkatkan daya saing dalam kalangan individu, khususnya generasi muda yang bakal meneraju kepimpinan negara pada masa hadapan. Justeru itu, kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti tahap daya saing pelajar Jabatan Perdagangan, Politeknik Ungku Omar (PUO) dalam menghadapi cabaran ekonomi global yang makin mencabar. Kajian ini tertumpu kepada aspek kebolehsaingan, peningkatan diri, komunikasi dan kebolehkerjaan. Kajian ini juga mengkaji perbezaan kebolehsaingan antara pelajar mengikut program yang ada di Jabatan Perdagangan, PUO. Seramai 213 orang pelajar semester empat daripada lima program pengajian telah terlibat sebagai responden kajian. Instrumen kajian berbentuk soal selidik menggunakan skala Likert dan data dianalisis menggunakan perisian statistik yang sesuai. Hasil analisis menunjukkan bahawa pelajar mempunyai tahap daya saing yang tinggi secara keseluruhan serta terdapat perbezaan yang signifikan dalam tahap kebolehsaingan antara pelajar mengikut program pengajian. Dapatan ini memberi gambaran bahawa program pengajian memainkan peranan dalam membentuk daya saing pelajar. Kajian ini diharap dapat membantu pihak pengurusan institusi dalam merancang strategi pembangunan pelajar yang lebih berfokus dan berkesan.

Kata kunci: Daya saing; Kebolehsaingan; Peningkatan Diri; Kebolehkerjaan

1.0 PENGENALAN

Dalam era globalisasi yang semakin pesat ini, ekonomi Malaysia perlu lebih berdaya saing agar terus berkembang seiring dengan negara-negara membangun yang lain. Kemahiran kebolehpasaran yang tinggi merupakan aset penting bagi graduan dalam menghadapi cabaran dunia pekerjaan selepas tamat pengajian. Kemahiran ini bukan sahaja meningkatkan nilai tambah graduan dalam pasaran kerja, malah menjadi aset penting untuk menyesuaikan diri dengan kehendak industri yang sentiasa berubah (Joshi, Karki, Ghimire, & Subedi, 2024). Kemahiran ini merujuk kepada keupayaan untuk menyesuaikan diri dengan kehendak pasaran kerja termasuk pengetahuan teknikal, kemahiran komunikasi, kepimpinan, penyelesaian masalah serta kebolehan bekerja secara kerjasama.

Selain itu, sifat asertif turut memainkan peranan penting dalam meningkatkan kebolehpasaran graduan. Sifat ini membolehkan pelajar menyatakan pendapat, memberi cadangan serta membuat keputusan dengan yakin tanpa menjejaskan hak dan perasaan orang lain. Kemahiran ini amat dihargai dalam dunia pekerjaan kerana ia mencerminkan keyakinan diri, kebolehan kepimpinan serta keupayaan untuk mengambil inisiatif dalam menyelesaikan masalah dan melaksanakan tugas dengan berkesan.

Kajian Abd Hair Awang, Ishak Yusof, Arawati Agus & Zafir Mohd Makhbul (2012) menyokong bahawa keyakinan diri dan keupayaan membuat keputusan secara yakin, yang

merupakan ciri utama sifat asertif, adalah antara kualiti yang sangat dihargai oleh majikan dalam proses pengambilan pekerja. Daya saing pelajar institusi pengajian tinggi bukan sahaja bergantung pada pencapaian akademik semata-mata, tetapi turut dipengaruhi oleh pembangunan kemahiran yang menyeluruh, meliputi aspek teknikal, interpersonal dan kepimpinan. Pelajar yang memiliki set kemahiran yang lengkap dan berdaya saing akan lebih mudah menonjol dalam pasaran kerja serta berpeluang mencapai kejayaan dalam kerjaya mereka.

Kajian oleh Norasmah Othman (2017) meneliti tahap daya tahan pelajar di universiti awam dan swasta di Malaysia serta hubungannya dengan kebolehpasaran graduan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap daya tahan pelajar kedua-dua jenis universiti adalah pada tahap sederhana tinggi dan tidak menunjukkan perbezaan signifikan antara pelajar universiti awam dan swasta. Walaupun pelajar universiti awam mencatatkan nilai daya tahan yang sedikit lebih tinggi dalam beberapa dimensi seperti kemahiran sosial dan optimis, kedua-dua kumpulan menghadapi cabaran yang hampir sama dalam menyesuaikan diri dengan persekitaran akademik dan pasaran kerja. Kajian ini menegaskan bahawa pembangunan daya tahan dan daya saing pelajar adalah penting untuk meningkatkan kebolehpasaran graduan serta melahirkan modal insan yang berdaya saing di peringkat global.

Sehubungan itu, institusi pengajian tinggi perlu menyediakan persekitaran pembelajaran yang menyokong pembangunan pelbagai kemahiran ini agar graduan mampu bersaing dengan lebih berkesan selepas menamatkan pengajian. Oleh itu, objektif utama kajian adalah mengenalpasti tahap daya saing pelajar Jabatan Perdagangan Politeknik Ungku Omar (PUO) dalam aspek kebolehsaingan, peningkatan diri, komunikasi dan kebolehkerjaan.

2.0 METODOLOGI

2.1 Rekabentuk Kajian

Kajian ini dilaksanakan secara deskriptif di mana ia menjelaskan fenomena yang sedang berlaku dengan mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhinya.

2.2 Populasi dan Sampel Kajian

Kajian ini melibatkan pelajar semester empat (4) bagi program Diploma Akauntansi (DAT), Diploma Kewangan Perbankan (DKB), Diploma Kewangan Islam (DIB), Diploma Pengajian Perniagaan (DPM) dan Diploma Peruncitan (DRM) di Jabatan Perdagangan Politeknik Ungku Omar (PUO) iaitu seramai 336 pelajar. Sampel kajian adalah 213 pelajar yang bersesuaian mengikut jadual Kriecjie dan Morgan pada tahun 1970.

2.3 Instrumen Kajian

Set soal selidik dilakukan secara atas talian digunakan sebagai instrumen kajian. Soal selidik ini dipecahkan kepada dua bahagian, iaitu bahagian A melibatkan demografi dan

bahagian B pula pemboleh ubah yang dikaji. Item Bahagian B menggunakan Skala Likert. Responden memilih jawapan yang sesuai mengenai sesuatu item berdasarkan skala 1 hingga 5 iaitu 1- Sangat Tidak Setuju, 2-Tidak Setuju, 3- Tidak Pasti, 4- Setuju dan 5- Sangat Setuju. Item kajian mengandungi 4 bahagian seperti ditunjukkan pada Jadual 1 di bawah:


Jadual 1 Item Soal Selidik

Bahagian	Jenis Item	Bil. Item
A	Demografi: Jantina, Bangsa dan Program	3
B	Item Kebolehsaingan	10
C	Item Peningkatan Diri	6
D	Item Komunikasi	8
E	Item Kebolehsaingan	8

3.0 KEPUTUSAN


3.1 Demografi

Seramai 213 orang telah memberi maklumbalas ke atas soal selidik yang diberikan. Rajah 1 menunjukkan seramai sebanyak 74.6% (159 orang) pelajar perempuan dan 25.4% (54 orang) pelajar lelaki telah memberi respon. Daripada keseluruhan responden, bangsa Melayu paling ramai iaitu 171, India 36, Cina 4 dan lain-lain bangsa 2. Responden program Diploma Pengajian Perniagaan (DPM) adalah sebanyak 64, Diploma Akauntansi (DAT) 69, Diploma Peruncitan (DRM) 28, Diploma Kewangan Perbankan (DKB) 23 dan Diploma Kewangan Islam (DIB) 29.




Rajah 1: Peratus responden mengikut jantina

Rajah 2 menunjukkan peratus responden mengikut bangsa responden. Daripada keseluruhan responden, bangsa Melayu paling ramai iaitu 80.3%, India 16.9%, Cina 1.9% dan lain-lain bangsa 0.9%.



Rajah 2: Peratus responden mengikut bangsa

Rajah 3 pula menunjukkan peratus responden mengikut program yang ditawarkan di Jabatan Perdagangan, Politeknik Ungku Omar. Responden program Diploma Pengajian Perniagaan (DPM) adalah sebanyak 30%, Diploma Akauntansi (DAT) 32.4%, Diploma Peruncitan (DRM) 13.1%, Diploma Kewangan Perbankan (DKB) 10.8% dan Diploma Kewangan Islam (DIB) 13.6%.



Rajah 3: Peratus responden mengikut program

3.2 Kebolehpercayaan Instrumen Kajian

Nilai Cronbach's Alpha bagi keseluruhan item ialah 0.963, menunjukkan bahawa instrumen soal selidik yang digunakan adalah sangat boleh dipercayai dan konsisten dalam mengukur konstruk daya saing pelajar.

4.0 PERBINCANGAN

4.1 Analisis Objektif 1: Mengenalpasti tahap daya saing pelajar Jabatan Perdagangan Politeknik Ungku Omar (PUO) dari aspek kebolehsaingan, peningkatan diri, komunikasi dan kebolehkerjaan.

Jadual 2: Item kebolehsaingan, peningkatan diri, komunikasi dan kebolehkerjaan

No item	Item	Min Skor	Sisihan Piawai
1	Kebolehsaingan	4.31	0.54
2	Peningkatan diri	4.22	0.56
3	Komunikasi	4.11	0.61
4	Kebolehkerjaan	4.26	0.55

Item kebolehsaingan merangkumi kecenderungan pelajar untuk bersaing secara sihat, menunjukkan kebolehan diri dan berusaha menjadi yang terbaik. Skor min bagi item ini ialah 4.31 dengan nilai sisihan piawai 0.54, menunjukkan bahawa pelajar Jabatan Perdagangan secara umumnya mempunyai tahap kebolehsaingan yang tinggi. Ini mencerminkan sikap proaktif pelajar dalam menghadapi cabaran akademik dan sosial serta kesediaan mereka untuk menonjolkan kelebihan diri dalam persekitaran pembelajaran yang kompetitif.

Item kedua iaitu peningkatan diri menilai sejauh mana pelajar berusaha memperbaiki kemahiran dan prestasi diri melalui pengalaman persaingan. Skor min 4.22 dan sisihan piawai 0.56 menunjukkan bahawa pelajar mempunyai kesedaran dan komitmen yang tinggi terhadap pembangunan sendiri. Dapatan ini selari dengan matlamat pendidikan politeknik yang menekankan pembelajaran berasaskan amali dan peningkatan berterusan.

Aspek komunikasi melibatkan keupayaan pelajar berinteraksi secara berkesan dalam pelbagai konteks termasuk komunikasi lisan, bukan lisan dan komunikasi dua hala dengan pensyarah serta rakan sebaya. Skor min 4.11 dengan sisihan piawai 0.61 menunjukkan bahawa pelajar berada pada tahap komunikasi yang baik namun begitu masih terdapat ruang untuk penambahbaikan khususnya komunikasi dalam Bahasa Inggeris dan kemahiran berucap di khalayak ramai.

Item terakhir, kebolehkerjaan merangkumi sikap pelajar terhadap tugas, kerja berpasukan, pengurusan masa dan penerimaan maklum balas. Skor min 4.26 dan sisihan piawai 0.55 menunjukkan bahawa pelajar mempunyai tahap kebolehkerjaan yang tinggi yang merupakan indikator penting dalam kesediaan mereka untuk memasuki alam pekerjaan. Ini menunjukkan keberkesanan pendekatan pembelajaran berasaskan projek dan tugas dalam membentuk pelajar yang bertanggungjawab dan berdikari.

4.2 Analisis Objektif 2: Mengenalpasti perbezaan kebolehsaingan dalam kalangan pelajar berdasarkan program pengajian yang ada di Jabatan Perdagangan PUO.

Ujian ANOVA satu hala telah dilakukan bagi menentukan sama ada terdapat perbezaan yang signifikan dalam tahap kebolehsaingan pelajar berdasarkan program pengajian mereka.

Berikut adalah jadual ANOVA yang menunjukkan perbandingan tahap kebolehsaingan pelajar berdasarkan program pengajian di Jabatan Perdagangan Politeknik Ungku Omar:

Jadual 3: Ujian ANOVA perbandingan tahap kebolehsaingan pelajar berdasarkan program

Program	Min Skor Kebolehsaingan	Bilangan Pelajar
DAT	3.911	69
DIB	4.123	29
DKB	4.230	23
DPM	4.233	64
DRM	4.005	28
Nilai F-statistik	2.384	-
Nilai p-value	0.053	-

Walaupun terdapat perbezaan skor purata kebolehsaingan antara program, nilai $p = 0.053$ menunjukkan bahawa perbezaan tersebut hampir signifikan pada aras 0.05. Ini bermakna terdapat kecenderungan kepada perbezaan tahap kebolehsaingan berdasarkan program. Program DKB dan DPM menunjukkan min skor kebolehsaingan paling tinggi, menandakan pelajar dalam program ini lebih cenderung untuk bersaing secara aktif. Program DAT dan DRM pula mencatatkan skor yang lebih rendah berbanding program lain, menunjukkan potensi ruang untuk intervensi atau penambahbaikan dalam aspek ini.

5.0 RUMUSAN

Secara keseluruhannya, kajian ini menekankan betapa pentingnya daya saing dalam kalangan pelajar Jabatan Perdagangan, Politeknik Ungku Omar (PUO) dalam menghadapi cabaran pasaran kerja masa kini. Kajian ini telah mengenal pasti bahawa kebolehsaingan pelajar tidak hanya bergantung kepada pencapaian akademik semata-mata, tetapi turut dipengaruhi oleh pelbagai kemahiran tambahan seperti komunikasi, kepimpinan, kebolehkerjaan dan peningkatan diri. Hasil kajian ini juga menunjukkan bahawa wujud perbezaan tahap kebolehsaingan dalam kalangan pelajar mengikut program pengajian. Oleh itu, pendekatan pembangunan pelajar yang lebih tersasar dan berfokus mengikut keperluan program adalah amat penting. Institusi pengajian tinggi perlu memainkan peranan lebih proaktif dalam menyediakan persekitaran pembelajaran yang menyokong pembangunan

kemahiran menyeluruh bagi memastikan graduan bukan hanya cemerlang dalam akademik, bahkan perlu bersedia dari segi mental, sosial dan profesional untuk bersaing di alam pekerjaan.

Latihan industri, bengkel komunikasi dan kepimpinan serta pendedahan kepada suasana kerja sebenar perlu dipertingkatkan agar pelajar lebih bersedia dari segi mental dan profesional. Selain daripada itu, pensyarah boleh memainkan peranan sebagai mentor dalam membantu pelajar mengenal pasti kekuatan dan kelemahan diri seterusnya membimbing mereka dalam merancang pembangunan kemahiran sepanjang tempoh pengajian. Pelajar pula perlu mengambil inisiatif sendiri untuk terlibat dalam aktiviti kokurikulum, pertandingan atau program keusahawanan yang mampu meningkatkan keyakinan dan kebolehan mereka. Kesedaran dan kerjasama antara pelajar, pensyarah dan pihak pengurusan politeknik amat penting dalam memastikan usaha membina daya saing pelajar tidak terhenti di peringkat teori semata-mata tetapi diterjemahkan kepada tindakan yang memberi impak positif dalam jangka panjang.

RUJUKAN

- Ayob, N. A., Mat Nuruddin, S., Md Khalid, N. S., & Mohd Zain, Z. (2020). Kajian kebolehpasaran siswazah Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi, UiTM. *International Journal of Social Science Research*, 2(3), 144–155. Retrieved from <https://myjms.mohe.gov.my/index.php/ijssr/article/view/11007>
- Ramzy Rameshan, N. D. E., & Hamzah, M. I. (2022). Kepentingan kemahiran insaniah terhadap kebolehpasaran graduan di Universiti Sains Islam Malaysia. *Jurnal Pendidikan dan Pembangunan Diri*, 4(2), 22. <https://doi.org/10.55057/jdpd.2022.4.2.22>
- Hariyaty, A. W. (2014). Daya saing pelajar institusi pengajian tinggi dalam pasaran kerja. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 39(1), 45–52.
- Zunainah, H., Noraini, M. N., & Nurul, A. M. (2020). Kemahiran kebolehpasaran graduan dalam kalangan pelajar institusi pengajian tinggi. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 10(6), 123–135.
- Abd Hair Awang, Ishak Yusof, Arawati Agus & Zafir Mohd Makhbul. (2012). Kebolehpasaran Graduan IPT Tempatan: Penilaian dari Perspektif Majikan. *Jurnal Personalia Pelajar*, 15, 1–10.
- Othman, N., Khasbullah, K. K., & Ab Wahid, H. (2015). Tahap daya saing pelajar institusi pengajian tinggi di Semenanjung Malaysia. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 40(2), 139–149.

Samad, R., Ahmad Alias, N. H., & Roji, M. (2024). Mengenalpasti tahap kebolehsaingan pelajar Kolej Komuniti Sabak Bernam. *e-Proceeding Seminar Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) 2024*, 60–69.

Othman, N. (2017). Daya tahan pelajar universiti awam dan universiti swasta. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 42(1), 77–86.

Joshi, K., Karki, S., Ghimire, S., & Subedi, P. (2024). Kajian mengenai kebolehpasaran graduan politeknik. *Jurnal Pendidikan Politeknik*, Vol(Isu), hlm-hlm.